

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sarawak
Tarikh : 16/04/2020
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 17
Tajuk : PKP: Koperasi UMK tawar harga jualan patut barangan

PKP: Koperasi UMK tawar harga jualan patut barangan

BACHOK: Koperasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Berhad menawarkan promosi harga jualan barangan keperluan asas dengan harga berpatutan bagi membantu meringankan beban golongan yang terkesan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Koperasi UMK Berhad Prof Madya Dr Mohammad Ismail berkata promosi itu mendapat sambutan memberangsangkan sejak dilancarkan 7 April sehingga 14 April itu dan ia dibuka kepada semua staf, ahli koperasi serta penduduk setempat sekitar Bachok.

"Pesanan dalam talian

menjadi pilihan pengguna kerana ramai yang mahu mengurangkan pergerakan dalam tempoh pelaksanaan PKP. Malah, pihak kami turut menyediakan perkhidmatan penghantaran rumah ke rumah dalam tempoh promosi itu," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, semalam.

Mohammad berkata, dalam masa yang sama pihaknya juga menyediakan perkhidmatan bagi mereka yang membuat sumbangan khidmat masyarakat (CSR) atau sumbangan korporat kepada individu atau golongan asnaf yang memerlukan bantuan.

Katanya, perkhidmatan yang ditawarkan termasuk

penyediaan, pembungkusan dan penghantaran barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak, bihun, sardin dan lain-lain dengan harga promosi pakej RM50.00.

"Saya ucapkan terima kasih di atas sokongan warga UMK, ahli koperasi serta masyarakat setempat yang mengambil inisiatif di atas promosi yang dilaksanakan oleh pihak koperasi dalam tempoh kawalan pergerakan ini, diharap dengan adanya jualan promosi ini sedikit sebanyak ia dapat membantu meringankan beban mereka yang terkesar terutama dalam tempoh yang sukar ini," katanya. — Bernama